



MAHKAMAH SESYEN/MAJISTRET TAIPING  
JALAN KOTA,  
34009 TAIPING,  
PERAK DARUL RIDZUAN

Telefon : 05-8073316  
05-8073588

Faks : 05-8061404

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami : M.S. TPG. (PENTD.) 9/2015 ( 5 )

Tarikh : 8 Ogos 2017

Pengerusi  
Majlis Peguam Perak  
No. 41, Jalan Dato Maharajalela  
30000 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

(u/p. Encik Danial Rahman bin Yang Razali)

Tuan,



### PELAKSANAAN SISTEM E-FILING FASA 2 DI KOMPLEKS MAHKAMAH TAIPING

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, sistem E-Filing Fasa 2 telah pun dilaksanakan di Kompleks Mahkamah Taiping berkuatkuasa 14 Julai 2017. Sistem ini melibatkan pendaftaran kes-kes Sivil dan Jenayah secara atas talian.
3. Bagi tujuan pelaksanaan sistem E-Filing ini Unit Servis Biro ditubuhkan bagi tujuan membantu orang awam dan agensi awam dalam proses pendaftaran kes. Manakala bagi firma-firma guaman pula disarankan untuk membeli token dari pihak E-Kehakiman agar pendaftaran kes boleh dilakukan secara atas talian tanpa perlu menggunakan khidmat Servis Biro.
4. Pihak Mahkamah Taiping dengan persetujuan Pengarah Mahkamah Negeri Perak dengan ini menetapkan tempoh sehingga **30 September 2017** bagi semua firma guaman untuk mendapatkan token bagi tujuan pendaftaran kes di Kompleks Mahkamah Taiping, di mana selepas tempoh tersebut pihak Servis Biro **TIDAK** lagi akan menerima pendaftaran kes-kes baru dari mana-mana firma guaman bagi tujuan pemprosesan. Ini bertujuan untuk menggalakkan peguam untuk mendaftar kes-kes baru secara atas talian sepenuhnya.

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

Rujukan Kami : M.S. TPG. (PENTD.) 9/2015 ( 5 )

Tarikh : 8 Ogos 2017

5. Oleh demikian saya berharap pihak tuan dapat menghebahkan perkara ini kepada semua firma guaman yang di bawah Majlis Peguam Negeri Perak. Kerjasama dari pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(HAJI AZHAR BIN MOKHTAR)**  
**Hakim Wilayah Utara**  
**Mahkamah Sesyen (1),**  
**Taiping.**